

## BAB V

### PENUTUP

#### 5.0 Pendahuluan

Setelah melakukan penyelidikan terhadap konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* dalam penentuan hukum, dengan membandingkan pendapat antara al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī. Maka pada bahagian penutup ini penulis akan cuba mendedahkan beberapa hasil dari kajian ini. Beberapa pengamatan yang boleh dijadikan rujukan untuk melakukan kajian-kajian lain di dalam aspek yang berbeza juga akan dinyatakan. Bahagian ini dibahagikan tiga bahagian iaitu kesimpulan dan cadangan-cadangan serta penutup.

#### 5.1 Kesimpulan

Melakukan kajian terhadap karya ulama silam ia memerlukan suatu usaha yang berterusan. Ia memerlukan kesungguhan dan ketelitian pengkajinya. Sehingga mampu menghasilkan satu hasil kajian yang dapat memberi manfaat untuk pengkaji khasnya dan pembaca amnya. Beberapa dapatan kajian menerusi analisis perbandingan konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* antara al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī dapat disimpulkan sebagaimana berikut;

5.1.1 *Maṣlahah* dan *mafsadah* merupakan akar umbi konsep *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam penentuan sesuatu hukum

Kesimpulan di atas diambil berdasarkan bahawa secara umumnya *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam pandangan ulama Uṣūl bermaksud tujuan yang hendak dicapai disebalik pensyariatkan sebuah hukum Syarak terhadap manusia demi mencapai *kemaṣlahatan* dan menghindarkan dari kerosakan di dunia dan di akhirat dengan memelihara agama, jiwa,

akal , keturunan dan harta. Bahkan para ulama Uṣūl telah bersepakat bahawa pencapaian *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah* merupakan tujuan pokok penetapan bagi sesuatu hukum. Prinsip pencapaian *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah* merupakan tujuan utama penetapan hukum Islam dan telah diakui kebenarannya oleh para ulama dan para pakar hukum Islām secara *Ijma'*.

Untuk mencapai *maqāṣid al-Sharī'ah* maka pencapaian terhadap *maṣlahah* dan penolakan terhadap *mafsadah* merupakan elemen penting dan haruslah seiring dan sejalan, tidak dapat dipisahkan antara keduanya. Ini kerana pencapaian terhadap *maṣlahah* sahaja tanpa menolak *mafsadah* tidaklah lengkap untuk mencapai *maqāṣid al-Sharī'ah*, sedangkan penolakan terhadap *mafsadah* sahaja tanpa pencapaian *maṣlahah* membawa sia-sianya sesuatu hukum kerana tidak ada tujuan pasti yang hendak dicapai. Pencapaian *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah* yang berjalan seiring dan sejalan akan mencapai objektif syarak yang sebenar yang dikenali dengan *maqāṣid al-Sharī'ah*. Oleh itu, pencapaian terhadap *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah* dalam penentuan sesebuah hukum amat diperlukan agar ianya tidak tersasar dari tujuan Syarak yang sebenar.

Demi mencapai *maqāṣid al-Sharī'ah* yang sebenar *pentarjihān* yang saksama adalah dilakukan sehingga tercapainya tujuan Syarak yang sebenar. Oleh itu, pencapaian terhadap *maṣlahah* dan penolakan terhadap *mafsadah* menjadi unsur terpenting dan matlamat paling utama yang hendak dicapai dalam *maqāṣid al-Sharī'ah*. Ini kerana apa jua perintah Allah SWT yang dijelaskan dalam kitab-Nya al-Qur'an sememangnya mengandungi *maṣlahah*. Justeru Allah SWT memerintahkan untuk melaksanakannya. Manakala Apa-apa yang Allah SWT larang dalam Al-Qur'an sememangnya mengandungi *mafsadah* maka Allah memerintahkan untuk menjauhinya. Dengan demikian dapatlah disimpulkan bahawa konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* merupakan asas utama dari pemikiran *maqāṣid al-Sharī'ah* kerana *maqāṣid al-Sharī'ah* secara umumnya adalah bersandarkan kepada *al-Maṣlahah* dan *al-Mafsadah* itu sendiri.

5.1.2 Dalam pandangan ulama Uşūl *maşlahah* dan *mafsadah* merupakan metode dalam penentuan hukum yang tidak terlepas dari dalil-dalil Syarak

Para ulama Uşūl telah bersepakat bahawa *maşlahah* adalah salah satu objektif Syarak yang penting walaupun mereka berbeza pendapat dalam merealisasikan konsep tersebut dalam pembinaan hukum Islām. Manakala istilah *maşlahah* yang dibincangkan oleh ramai ulama Uşūl lebih kepada *maşlahah mursalah* walaupun ianya merupakan sebahagian daripada *maşlahah* secara umum. Sedangkan konsep *mafsadah* amat jarang dibahaskan oleh ulama secara khusus. Hal ini bukanlah disebabkan tidak wujudnya *mafsadah*, namun perbahasannya sering bercampur dalam pemikiran ulama ketika berhadapan dengan permasalahan hukum.

Perkembangan yang berlaku ketika ini ialah banyak pihak yang terlibat dalam hukum Islam semasa menggunakan *maqāsid al-Sharī'ah* dalam menangani permasalahan yang timbul. Ianya sekali gus mengadaptasi penggunaan *maşlahah* dan penolakan *mafsadah* secara maksimum. Ini kerana permasalahan yang timbul sememangnya benar-benar baru berlaku dan tidak terjadi semasa zaman turunnya wahyu.

Disebabkan pemakaian *maşlahah* dan *mafsadah* dalam penentuan hukum Islam sangat berkaitan dengan peristiwa yang tidak *dinaşş* secara *şarīh* justeru itu, akal menjadi amat penting untuk berperanan dalam penentuan hukum Islam dengan dipagari oleh *naşş* agar ianya tidak tersasar dan menyeleweng dari kehendak Syarak yang sebenar. Penggunaan akal yang dimaksud di sini ialah akal para mujtahid yang dibatasi dan dipagari oleh *naşş* dan bukannya akal golongan awam yang terdedah kepada penyelewengan. Dengan demikian penggunaan kedua-dua konsep tersebut dalam penentuan hukum Islam tidak terlepas daripada *naşş* Syarak.

5.1.3 Dalam mendefinisikan *maṣlaḥah*, al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī bersependapat iaitu *maṣlaḥah* ialah pemeliharaan terhadap tujuan Syarak atau *maqāṣid al-Sharī'ah*. Manakala *mafsadah* menurut al-Imām al-Ghazzālī ialah hal-hal yang meluputkan *maqāṣid al-Sharī'ah* ia berbeza dengan *mafsadah* menurut al-Imām al-Shāṭibī yang menyatakan *mafsadah* sebagai lawan dari *maṣlaḥah* dilihat dari khiṭāb al-Shāri', *mafsadah* juga baginya bermaksud wasilah atau sebab-sebab yang membawa kepada kerosakan.

Kesimpulan di atas kerana *maṣlaḥah* menurut al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī tidak dapat diketahui melalui akal secara bersendirian. *Maṣlaḥah* menurut kedua-dua ulama tersebut mestilah diketahui melalui perantaraan Syarak. Sehingga kayu ukur diterimanya *maṣlaḥah* ialah Syarak dan bukannya akal manusia secara bersendirian. Dari sudut yang lain pula, kedua-dua ulama bersepakat bahawa *maṣlaḥah* ialah untuk memelihara tujuan Syarak. Namun penekanan di antara keduanya agak berbeza. Al-Imām al-Ghazzālī menekankan bahawa *maṣlaḥah* itu memelihara tujuan Syarak dan bukannya tujuan manusia. Manakala al-Imām al-Shāṭibī pula, menekankan bahawa *maṣlaḥah* itu sesuatu yang difahami dalam meraikan hak manusia. Menurut al-Imām al-Ghazzālī bukanlah bermakna beliau menafikan tujuan manusia, namun kerana manusia mempunyai perbezaan dalam menilai *maṣlaḥah* serta memandang sesuatu *maṣlaḥah* itu adalah sesuai dengan keadaan sendiri, maka Syarak mestilah menjadi kayu ukur dalam menilai sesuatu *maṣlaḥah*. Menurut beliau *maṣlaḥah* meraikan tujuan manusia namun tujuan manusia hendaklah tidak bertentangan dengan tujuan Syarak. Dari sini dapat difahami bahawa walaupun *maṣlaḥah* berdasarkan kehendak Syarak namun pada hakikatnya selari dengan kehendak manusia. Ini kerana Syarak sentiasa meraikan kehendak manusia pada setiap masa, tempat serta keadaan. Bagi al-Imām al-Ghazzālī, *maṣlaḥah* sebenar ialah memelihara kehendak Syarak walaupun berlawanan kehendak manusia. Sedangkan bagi al-Imām al-Shāṭibī, penjagaan tujuan manusia mestilah sesuai

dengan apa yang ditentukan oleh Syarak. Bahkan, pencapaian *maṣlahah* dan penolakan *mafsadah* dalam kehidupan dunia dan akhirat bukan berlandaskan kepada hawa nafsu dapat difahami bahawa *maṣlahah* dalam pandangan al-Imām al-Shāṭibī juga demi memelihara tujuan Syarak. Justeru itu, kedua-dua ulama tersebut bersepakat bahawa *maṣlahah* ialah untuk memelihara tujuan Syarak.

Walaupun mengakui kewujudan *maṣlahah* bukan bererti konsep *mafsadah* dinafikan, ini kerana *mafsadah* pada pandangan al-Imām al-Ghazzālī ialah setiap perkara yang meluputkan tujuan Syarak yang lima atau *maqāṣid al-Sharī'ah*. *Maqāṣid al-Sharī'ah* merupakan tujuan yang dikehendaki oleh Syarak melalui sumber dalilnya menerusi al-Qur'an dan al-Sunnah. Justeru itu *mafsadah* menurut al-Imām al-Ghazzālī sesuai dengan *naṣṣ* dan bukan diukur dengan akal manusia semata-mata. Al-Imām al-Shāṭibī pula, melihat bahawa *mafsadah* sebagai sifat yang berlawanan dari *maṣlahah* secara mutlak atau keterbalikan dari definisi *maṣlahah*. Ini kerana ianya dilihat dari *khiṭāb al-Shāri'* dan bukannya berkaitan dengan muamalat ataupun adat, *mafsadah* juga bagi al-Imām al-Shāṭibī bermaksud sebab-sebab yang membawa kepada kerosakan.

Oleh itu, konsep *mafsadah* pada pandangan al-Imām al-Ghazzālī ialah *mafsadah ḥaqīqiyah* iaitu kesusahan dan kesakitan yang berlaku terhadap manusia dan menyebabkan kerosakan yang lima sama ada kerosakan yang melibatkan sebahagian atau keseluruhan. Manakala konsep *mafsadah* pada pandangan al-Imām al-Shāṭibī ialah *mafsadah majāziyyah*. Walau bagaimana pandangan kedua-dua ulama ini tidak bercanggah satu sama lain. Ini kerana *mafsadah ḥaqīqiyah* yang dimaksud oleh al-Imām al-Ghazzālī merangkumi semua atau sebahagian dari penafian terhadap kepentingan lima perkara asas serta *wasilah-wasilahnya*. Ia menyerupai pandangan al-Imām al-Shāṭibī. Namun al-Imām al-Shāṭibī dapat menjelaskan konsep ini sehinggalah dapat difahami secara lebih jelas. Walau al-Imām al-Shāṭibī tidak menyatakan takrif *mafsadah* kecuali setelah pengkajian secara mendalam terhadap penjelasan beliau dalam

kitabnya. Namun berdasarkan penjelasan *mafsadah* jelas menunjukkan takrif al-Imām al-Shāṭibī menghampiri takrif al-Imām al-Ghazzālī. Dalam hal ini, takrif al-Imām al-Ghazzālī memiliki kelebihan tersendiri daripada al-Imām al-Shāṭibī. Ini kerana al-Imām al-Ghazzālī meletakkan batasan *mafsadah* itu kembali kepada neraca Syarak dengan peluputan terhadap kepentingan yang lima. Walaupun al-Imām al-Shāṭibī berjaya menjelaskan bahawa hasil daripada *maṣlaḥah* dan *mafsadah* adalah *maqāṣid*, namun beliau belum meletakkan standard yang jelas tentang konsep tersebut.

5.1.4 Persamaan kedua-dua ulama terletak pada konsep *maṣlaḥah* secara umum. Dalam pandangan keduanya *maṣlaḥah* ialah pemeliharaan terhadap tujuan Syarak atau *maqāṣid al-sharī'ah*. *Maṣlaḥah* menurut kedua-dua ulama tersebut mestilah diketahui melalui perantaraan Syarak. Sehingga kayu ukur diterimanya *maṣlaḥah* ialah Syarak dan bukannya akal manusia secara bersendirian. Persamaan kedua-dua ulama juga terdapat pada syarat beramal dengan *maṣlaḥah*. Keduanya telah melakukan *pentarjīhan* di antara *maṣlaḥah* dengan *mafsadah* demi mencapai tujuan Syarak yang sebenar.

Kesimpulan ini dibuat setelah melakukan penelitian terhadap pandangan kedua-dua ulama tersebut sebagaimana termaktub dalam karya-karya kedua-duanya, walaupun kedua-duanya mempunyai mazhab yang berbeza. Ini kerana makna hakiki dari *maṣlaḥah* menurut kedua-dua ulama tersebut ialah memelihara tujuan dan kehendak Syarak. Manusia memiliki akal yang terhad, maka untuk menilai sesuatu itu *maṣlaḥah* atau *mafsadah* mesti berdasarkan kepada kehendak Syarak dan bukan kehendak akal dan hawa nafsu manusia. Dapat dinyatakan bahawa menurut kedua-dua ulama tersebut bahawa *maṣlaḥah* merupakan sumber hukum yang masih bergantung kepada *naṣṣ*, jika bercanggah dengan *naṣṣ* maka ianya tertolak.

Kedua ulama bersepakat bahawa konsep *mafsadah* mempunyai hubungkait yang erat dengan konsep *maṣlahah*, manakala gabungan kedua-dua konsep ini secara keseluruhannya membawa terhasilnya *maṣlahah* yang hakiki dan tercapainya tujuan Syarak. Untuk mencapai *maqāsid al-Sharī'ah* yang sebenar menurut kedua ulama tersebut perlu dilakukan *pentarjīhan* dengan saksama agar ianya benar-benar sesuai dengan tujuan Syarak. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa untuk mencapai tujuan Syarak yang sebenar, kedua-dua ulama melakukan *pentarjīhan* terhadap *maṣlahah* dan *mafsadah*. Konsep *pentarjīhan* yang didedahkan oleh kedua-dua ulama pula memiliki persamaan, bahkan beberapa contoh yang diungkap oleh al-Imām al-Shāṭibī menyerupai perbincangan dan penjelasan yang telah dilakukan oleh al-Imām al-Ghazzālī.

Disebabkan persamaan konsep tersebut maka didapati juga persamaan syarat beramal dengan *maṣlahah* dan *mafsadah* menurut al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī. Di antaranya seperti syarat pertama yang diletakkan oleh al-Imām al-Shāṭibī sesuai dengan syarat pertama dan kedua yang diletakkan oleh al-Imām al-Ghazzālī iaitu *mulāim*(sejajar) dengan maksud dan tujuan Syarak dan tidak bercanggah dengan *naṣṣ* Syarak. Jika *maṣlahah* sejajar atau *mulāim* dengan maksud dan tujuan Syarak maka ianya diterima.

Persamaan juga terdapat pada syarat penerimaan *maṣlahah* yang berkedudukan *darūriyyah* atau *ḥājīyyah* yang menempati kedudukan *darūriyyah*, walaupun al-Imām al-Shāṭibī menerima *taḥsīniyyah*. Manakala syarat *maṣlahah* dapat diterima jika bersifat *darūriyyah*, *kulliyyah*, dan *qaṭ'īyyah* yang dikemukakan oleh al-Imām al-Ghazzālī iaitu hanya berlaku dalam hal orang-orang kafir menjadikan tawanan muslim sebagai perisai perang dan bukan dalam semua keadaan juga disepakati oleh al-Imām al-Shāṭibī. Walau bagaimana contoh seperti kes di atas diletakkan oleh al-Imām al-Shāṭibī dalam perbincangan kontradiksi di antara *maṣlahah 'āmmah* dengan *maṣlahah khāṣṣah*.

Al-Imām al-Ghazzālī telah memasukan syarat *qaṭ'ī* dan *ẓannī* yang mendekati *qaṭ'ī* dalam *pentarjīhan kullī* yang merupakan asas dari *maqāṣid al-Sharī'ah* dan ianya dapat diterima pakai dalam pembinaan hukum Islam. Walaupun syarat tersebut tidak disebut oleh al-Imām al-Shāṭibī namun beliau telah berjaya mengembangkan kefahaman tentang *al-Kullī* dan interaksi di antara *al-Kuliyyat* dan *al-Juziyyat* dengan baik dalam kitabnya *al-Muwāfaqāt*.

5.1.5 Perbezaan ke atas kedua-dua ulama tersebut ialah takrif *maṣlahah* dan *mafsadah* yang dimiliki al-Imām al-Ghazzālī mencakupi syarat-syarat tertentu dan meletakkan pemeliharaan terhadap tujuan Syarak atau *maqāṣid al-Sharī'ah* yang lima. Perbezaan lain ialah al-Imām al-Ghazzālī menjadikan *maṣlahah* sebagai metode sahaja dalam penentuan hukum manakala al-Imām al-Shāṭibī menjadikanya dalīl tersendiri. Al-Imām al-Ghazzālī memiliki standard tertentu iaitu terhindar dari sebarang kontradiksi di antara *maṣlahah* dengan *maṣlahah* atau *maṣlahah* dengan *mafsadah*. Manakala untuk mengelakkan dari sebarang kontradiksi tersebut al-Imām al-Ghazzālī telah meletakkan syarat diterima *maṣlahah* iaitu *ghalabat al-Ẓann* terhadap sesuatu *maṣlahah*. Ukuran ini tidak ada dalam pandangan al-Imām al-Shāṭibī. Al-Imām al-Ghazzālī meluaskan ta'līl aḥkām, manakala al-Imām al-Shāṭibī menyempitkan ta'līl aḥkām.

Kesimpulan tersebut dibuat kerana definisi yang diberikan al-Imām al-Shāṭibī menggunakan “*maṣlahah-maṣlahah* dan penolakan *mafsadah-mafsadah*” dalam takrif *maṣlahah* menyerupai *al-Manāfi' wa al-Muḍar* oleh al-Imām al-Ghazzālī. Penggunaan kata *al-Manāfi' wa al-Muḍar* dalam mentakrif *maṣlahah* lebih relevan. Ini kerana kata *manāfi'* boleh bermaksud setiap apa-apa yang bermanfaat bagi sesuatu, sedang *muḍār* bermaksud kesakitan atau sebab sebab kesakitan itu. Bahkan kata *al-Manāfi'* boleh merangkumi makna yang lebih luas iaitu ungkapan ke atas sesuatu perbuatan yang



mengandung kenikmatan atau sebab-sebab yang membawa tercapainya kebaikan. Pengertian *maṣlaḥah* menurut al-Imām al-Ghazzālī pula merangkumi syarat-syarat tertentu dan meletakkan pemeliharaan terhadap tujuan Syarak atau *maqāṣid al-Sharī'ah* yang lima sehingga ianya tetap relevan dalam penentuan hukum.

Terdapat perbezaan prinsip yang berbeza mengikut mazhab masing-masing. Al-Imām al-Ghazzālī masih mendokong mazhab al-Shāfi'iyah yang berpandangan *maṣlaḥah* hanya sebagai metode dalam istinbat hukum dan bukannya sebagai dalil atau sumber hukum. Itulah sebabnya al-Imām al-Ghazzālī memasukan konsep *maṣlaḥah* dalam *al-Uṣūl al-Mawḥūmah*. Tindakan berkonsepkan *maṣlaḥah* menurut al-Imām al-Ghazzālī mestilah berdasarkan kehendak Syarak. Oleh itu beliau menjadikan *maṣlaḥah* sebagai dalil yang masih bergantung dengan dalil asas lain seperti al-Qur'an, al-Sunah dan Ijma'. Jika *maṣlaḥah* bertentangan dengan *naṣṣ* maka ia tertolak sama sekali. Dalam hal ini beliau sangat berhati-hati dalam membuka pintu *maṣlaḥah* agar tidak disalahgunakan oleh kepentingan hawa nafsu manusia. Manakala al-Imām al-Shāṭibī pendokong mazhab Malikī memandang *maṣlaḥah* sebagai sumber hukum kerana ia bersifat *kulliy*. Hal ini berasaskan kepada pandangan al-Imām al-Shāṭibī yang menyatakan berhukum dengan *al-Kulliy* merupakan *hukum qaṭ'ī* dan para ulama tidak terdapat perbezaan pandangan dalam hal ini. Beliau memberikan contoh bahawa konsep *darūriyyat al-Khams* iaitu memelihara agama, jiwa, keturunan, harta dan akal diiktiraf oleh Syarak. Beliau mendapati setelah melakukan *istiḡra'* dari pelbagai dalil maka dapat disimpulkan bahawa penjagaan yang lima itu diiktiraf oleh Syarak. Melalui penjelasan bahawa berhukum dengan *kulliy* merupakan hukum *qaṭ'ī* maka al-Imām al-Shāṭibī hampir-hampir menyamakan kedudukan *maṣlaḥah mursalah* dengan qiyas dalam keadaan tertentu.

Oleh itu, menurut al-Imām al-Shāṭibī *maṣlaḥah* merupakan uṣūl kelima dalam penentuan hukum. Manakala al-Imām al-Ghazzālī menolak *maṣlaḥah* sebagai uṣūl

kelima. Ini kerana *maṣlahah* menurut beliau masih memerlukan dalil. Oleh demikian, *maṣlahah* pada pandangan al-Imām al-Ghazzālī merangkumi kesemua dalil yang disepakati oleh ulama iaitu al-Qur'an, Sunah, Ijmak dan Qiyas. Pandangan ini merupakan pandangan yang penulis pilih, kerana para ulama berpandangan bahawa *maṣlahah* bukanlah *maṣlahah* yang berdiri sendiri. Sedangkan al-Imām al-Shāṭibī tetap berpegang dengan pandangan mazhabnya iaitu dengan menjadikan *maṣlahah* sebagai sumber hukum, walau beliau sendiri tetap menjelaskan bahawa *maṣlahah* mesti berdasarkan dalil.

Pandangan kedua-dua ulama tersebut memperlihatkan bahawa pandangan kedua-duanya tidak terlepas dari prinsip mazhab masing-masing. Al-Imām al-Ghazzālī masih mendukung mazhab al-Shāfi'iyah yang amat berhati-hati dalam menjadikan *maṣlahah* sebagai hujah. Bahkan dalam beberapa kitab al-Imām al-Ghazzālī didapati beliau menolak beberapa hasil ijtihad tertentu yang dilakukan oleh Imām Mālik yang bersandarkan *maṣlahah al-Mursalah*. Manakala al-Imām al-Shāṭibī merupakan pendokong mazhab Mālikī yang menjadikan *maṣlahah al-Mursalah* sebagai dalil tersendiri. Bahkan beliau banyak menggunakan *maṣlahah* dan membela pandangan mazhabnya yang menjadikan *maṣlahah* dalil tersendiri. Walau bagaimana al-Raysunī menyatakan bahawa pandangan al-Imām al-Shāṭibī bersumberkan pandangan Imām al-Ghazzālī sehingga dikatakan al-Imām al-Ghazzālī adalah guru kepadanya.

Perbezaan yang cukup signifikan ialah syarat yang diletakkan oleh al-Imām al-Ghazzālī memiliki standard tertentu agar terhindar dari sembarang kontradiksi di antara *maṣlahah* dengan *maṣlahah* atau *maṣlahah* dengan *mafasadah*. Ini kerana al-Imām al-Ghazzālī meletakkan agar *maṣlahah* yang diterima ianya terhindar dari sembarang kontradiksi. Manakala untuk terhindar dari sembarang kontradiksi tersebut al-Imām al-Ghazzālī meletakkan syarat iaitu *ghalabah al-Zann* terhadap sesuatu *maṣlahah*. Sedang standard ini tidak ada pada pandangan al-Imām al-Shāṭibī. Syarat ini perlu diamalkan

oleh para mujtahid agar tidak terjadi percanggahan dan terhindar dari percanggahan dalam proses *pentarjihān maṣlaḥah* dan *mafsadah*.

Terdapat perbezaan metode yang diterimapakai di antara kedua-dua Imām dalam permasalahan ibadah dan muamalat. Al-Imām al-Ghazzālī meluaskan *ta' līl aḥkām* merangkumi muamalat dan ibadat. Manakala al-Imām al-Shāṭibī menyempitkan *ta' līl aḥkām* dalam ibadat walaupun dalam perkara muamalat diperluaskan melalui *al-Aṣl fi al-Mu'āmalah al-Ibāḥah*. Ini kerana menurut al-Imām al-Shāṭibī *ta' līl* dalam perkara ibadah mesti *dinaṣṣkan* secara *sariḥ*. Zahirnya konsep keduanya mampu menjawab permasalahan semasa namun permasalahan bid'ah yang luas di tambah lagi *ta' līl* dalam perkara ibadah mesti *dinaṣṣkan* secara *sariḥ* menjadi perkara yang agak sukar bagi para ulama semasa melakukan *taṭbīq* dengan metode yang al-Imām al-Shāṭibī miliki.

5.1.6 Walaupun didapati secara umum konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* mempunyai kesamaan secara keseluruhannya dan boleh jadi hukum yang di hasilkan juga sama, namun perbezaan asas, *ta' līl aḥkām* dan syarat beramal dengan *maṣlaḥah* serta *mafsadah* dalam penentuan hukum-hakam dari kedua-daunya mungkin akan mempengaruhi perbezaan hukum yang dihasilkan dalam beberapa masalah *furūiyyah*.

Kesimpulan ini dibuat dengan melihat bahawa sememangnya al-Imām al-Shāṭibī banyak mengulang contoh-contoh yang telah diletakan oleh al-Imām al-Ghazzālī dalam mengaplikasikan konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Bahkan konsep kedua-dua ulama didapati banyak persamaan maka tentu hasilnya pun tidak banyak berbeza. Disebabkan perbezaan mazhab dari kedua-dua ulama menyebabkan asas yang diletakan oleh kedua-duanya masih terikat dengan mazhab masing-masing. Ini terbukti walaupun al-Imām al-Shāṭibī banyak 'mengambil' konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* dan contoh-contoh yang telah diletakan oleh al-Imām al-Ghazzālī dari mazhab al-Shāfi'iyah namun beliau tidak

pernah menyanjung mazhab lain kecuali mazhabnya sendiri. Padahal dalam beberapa perbahasan amat jelas bahawa al-Imām al-Shāṭibī menganjurkan untuk melihat karya al-Imām al-Ghazzālī dalam perbahasan yang sama.

Perbezaan asas dan beberapa syarat jelas mempengaruhi hukum yang dihasilkan oleh kedua-dua ulama. Ini terlihat ketika perbahasan tentang pemukulan terhadap orang yang disyaki melakukan pencurian. Al-Imām al-Shāṭibī langsung menganggap pemukulan tersebut suatu *maṣlahah*, manakala al-Imām al-Ghazzālī melakukan *pentarjīhan* terlebih dahulu di antara *maṣlahah* dan *mafsadah* kerana terdapat dua *maṣlahah* yang saling bercanggah. Ini kerana bagi al-Imām al-Ghazzālī syarat diterimanya suatu *maṣlahah* mestilah terhindar dari sebarang kontradiksi. Bahkan pada pandangan al-Imām al-Ghazzālī tidak memukul orang yang melakukan kesalahan lebih ringan atau lebih baik dari memukul orang yang bebas.

Terdapat perbezaan hukum terhadap metode yang diterimapakai di antara kedua-dua Imām dalam permasalahan ibadah dan muamalat. Al-Imām al-Ghazzālī meluaskan *ta'līl aḥkām* merangkumi muamalat dan ibadat. Manakala al-Imām al-Shāṭibī menyempitkan *ta'līl aḥkām* dalam ibadat walaupun dalam perkara muamalat diperluaskan melalui *al-Aṣl fī al-Mu'āmalah al-Ibāḥah*.

Oleh itu, dengan melihat kenyataan di atas, perluasan sumber harta zakat dapat dibenarkan mengikut pandangan al-Imām al-Ghazzālī. Manakala menurut al-Imām al-Shāṭibī tidak dibenarkan, kerana perkara ibadah mesti *dinaṣṣkan* oleh Syarak secara terperinci kerana sebarang penambahan dalam perkara ibadah yang tidak *dinaṣṣkan* secara *sariḥ* adalah bid'ah. Baginya *ta'līl* dalam perkara ibadah mesti *dinaṣṣkan* secara *sariḥ*. Justeru itu agak sukar bagi para ulama semasa melakukan *taṭbīq* hukum dengan metode yang dimiliki oleh al-Imām al-Shāṭibī. Hal ini membawa sebarang hukum yang diistinbat oleh ulama terkemudian misalnya pengembangan sumber zakat pendapatan

atau pertanian semasa akan dianggap bida'ah mengikut metode atau pendekatan al-Imām al-Shāṭibī.

5.1.7 Al-Imām al-Ghazzālī merupakan peletak utama kerangka ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* yang di dalamnya terangkum konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Manakala al-Imām al-Shāṭibī merupakan pelengkap Ilm tersebut setelah menyaring beberapa asas yang telah diletakan oleh ulama sebelumnya dan memberi nafas baharu dengan susunan yang menarik dan penjelasan yang lebih luas sehingga ilmu tersebut mampu difahami dengan baik oleh generasi terkemudian.

Kesimpulan ini dibuat kerana ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* terangkum di dalamnya konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah*. Manakala konsep *maṣlaḥah* dan *mafsadah* telah dijelaskan oleh al-Imām al-Ghazzālī dengan baiknya. Tulisan *al-Muwāfaqāt* dan *al-I'tisām* banyak terpengaruh dengan asas yang telah diletakkan oleh al-Imām al-Ghazzālī, kerana didapati beberapa konsep dan contoh yang diungkap oleh al-Imām al-Shāṭibī telah dijelaskan oleh al-Imām al-Ghazzālī. Oleh itu menyatakan golongan al-Mālikiyyah khususnya al-Imām al-Shāṭibī sebagai pelopor ilmu tersebut masih boleh dipertikaikan. Memang penulis tidak menafikan sumbangan besar al-Imām al-Shāṭibī dalam menjelaskan ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* dalam kitabnya *al-Muwāfaqāt*. Ini kerana dalam karya tersebut beliau telah menyaring beberapa asas yang telah diletakan oleh ulama sebelumnya dan memberi nafas baharu dan susunan yang menarik dan penjelasan yang lebih luas sehingga mampu difahami dengan baik oleh generasi terkemudian.

## 5.2 Cadangan-cadangan

Sepanjang penyelidikan yang dilakukan untuk mengenal dan memahami dengan lebih mendalam tentang konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* menurut al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī, penulis sememangnya belum melakukan penyelidikan yang lebih mendalam pada beberapa aspek. Semoga pengkaji yang lain dapat melengkapinya beberapa aspek tersebut. Adapun beberapa kekurangan tersebut adalah sebagaimana berikut.

5.2.1 Kajian terhadap Metode *Pentarjihan* di antara *maṣlahah* dan *mafsadah* menurut al-Imām al-Ghazzālī atau al-Imām al-Shāṭibī dalam pembinaan hukum Islam semasa.

Mengetahui konsep dan metode *pentarjihan* terhadap kontradiksi di antara *maṣlahah* dan *mafsadah* amat membantu para fuqaha apabila berhadapan dengan hukum Islam semasa. Mengingat dalam permasalahan hukum Islam semasa banyak percampuran di antara kedudukan *maṣlahah* dan *mafsadah*. Sehingga mengetahui metode *pentarjihan* tertentu agar tindakan mengutamakan mana-mana posisi tidak tersasar dengan kehendak Syarak yang asal. Kedua-dua ulama ini banyak menggariskan metode *pentarjihan* di antara *maṣlahah* dan *mafsadah*. Maka penyelidikan yang difokuskan pada aspek *pentarjihan* di antara *maṣlahah* dan *mafsadah* menurut kedua-dua ulama tersebut sangat relevan untuk dilakukan sebagai acuan para fuqaha dalam pembinaan hukum Islam semasa.

5.2.2 Kajian terhadap konsep *kulliyāt* dan *juziyyāt* dalam pembinaan hukum Islam.

Kefahaman *al-Aṣl al-Kullī* dan interaksi di antara *al-Kulliyāt* dan *al-Juziyyāt* amat penting untuk dijadikan asas pegangan ulama ketika berhujah dengan hukum Islam semasa. Ini kerana bagaimana suatu dalil boleh dijadikan hujah jika kedudukannya

masih tidak *qaṭ'ī* ataupun menghampiri *qaṭ'ī*. Al-Imām al-Ghazzālī telah berhasil membuktikan prinsip *al-Kullī* dari penghimpunan dalil yang tak terhitung sebagai *qaṭ'ī*. Interaksi *al-Kullīyyat* dan *al-Juz'īyyat* telah dijelaskan oleh al-Imām al-Ghazzālī secara berkesan ketika beliau memasukan *qaṭ'ī* itu merangkumi *ẓannī* yang menghampiri *qaṭ'ī* dalam kaedah *pentarjīhan al-Kullī*, manakala kefahaman tentang interaksi di antara *al-Kullīyyāt* dan *al-Juz'īyyat* dikembangkan oleh al-Imām al-Shāṭibī dalam kitab *al-Muwāfaqāt* dengan baik. Jika *kullīyyāt* dan *juz'īyyāt* dapat diketahui dengan saksama dalam perbincangan hukum maka ianya akan mampu diterima pakai secara berkesan dalam pembinaan hukum kerana pemahaman *al-Kullīyyāt* dan interaksi *al-Kullīyyāt* dan *al-Juz'īyyāt* merupakan asas daripada *maqāṣid al-Sharī'ah*. Oleh itu pengkajian yang lebih mendalam mengenai konsep *kullīyyāt* dan *juz'īyyāt* masih sangat relevan sehingga metode tersebut boleh diaplikasikan dan digunakan oleh ulama-ulama semasa dalam pembinaan hukum.

### 5.3 Penutup

Konsep *maṣlahah* dan *mafsadah* yang didokongi oleh al-Imām al-Ghazzālī dan al-Imām al-Shāṭibī memiliki persamaan. Walaupun hakikatnya konsep tersebut pada zahirnya menampilkan perbezaan tertentu. Ini kerana konsep tersebut berasal daripada konsep *maqāṣid al-Sharī'ah* yang pada asalnya dirintis oleh ulama al-Shāfi'īyyah.

Diharap penulisan ini dapat dijadikan sebagai landasan kepada penyelidikan seterusnya khususnya dalam membuktikan bahawa ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* bukan berasal dari ulama al-Mālikī semata-mata. Bahkan ulama al-Shāfi'ī terlebih dahulu mengunggulinya, sehingga ilmu *maqāṣid al-Sharī'ah* dijadikan sebagai kayu ukur dalam penentuan hukum Islam semasa dan setempat.